

Apa yang kita telah dengari




Social Cohesion Guide

Ringkasan apa yang kami dengar ketika bercakap dengan komuniti mengenai social cohesion.

Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai serangan pengganas di Christchurch pada 15 Mac 2019 membuat cadangan untuk meningkatkan social cohesion di Aotearoa New Zealand. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk melaksanakan cadangan social cohesion tersebut, Kementerian Pembangunan Sosial (MSD) telah berbual dengan pelbagai orang dan masyarakat tentang pembangunan strategi untuk memperbaiki dan mengukur social cohesion di seluruh Aotearoa New Zealand. Perbualan atau penglibatan ini berlaku antara Julai 2021 dan Mac 2022.

Para peserta pada mesyuarat ini berkata terdapat masalah social cohesion di Aotearoa New Zealand dan bercakap tentang pengalaman diskriminasi atau dilayan secara berbeza kerana mereka, jantina, kepercayaan, seksualiti, lokasi geografi dan perbezaan lain. Ramai orang mengalami pelbagai jenis diskriminasi pada masa yang sama, ini meningkatkan pengalaman negatif mereka. Mereka mahu perbezaan ini dihargai dan dihormati, bukannya diabaikan atau dijadikan sesuatu yang umum.

Peserta membincangkan hubungan yang kuat antara Te Tiriti o Waitangi (Perjanjian Waitangi) dan social cohesion. Telah diakui bahawa Te Tiriti o Waitangi dapat mengajar kita pelajaran berharga tentang mengukuhkan social cohesion di kalangan semua orang di Aotearoa New Zealand, bukan hanya Māori. Peserta juga mahu melihat lebih banyak sumber atau pembiayaan untuk usaha social cohesion.



Definisi social cohesion telah dibincangkan dengan peserta. Berikut maklum balas mereka, social cohesion ditakrifkan di mana: Semua orang, whānau dan masyarakat berkembang maju, berkitaan dan dihormati di Aotearoa. Peserta sangat menyokong kemasukan ‘kekitaan’, ‘penghormatan’ dan ‘keadilan’ dalam definisi.

Enam bidang yang boleh kita usahakan untuk mencapai social cohesion, berdasarkan penyelidikan semasa mengenai social cohesion, juga dibincangkan dengan peserta.

Berikut maklum balas mereka, enam bidang telah dikemas kini sebagai:

1. diskriminasi atau menganiaya orang disebabkan oleh perbezaan mereka;
2. peluang positif bagi pelbagai kumpulan untuk berkembang dan berhubung;
3. penyertaan dalam aktiviti penting;
4. kesejahteraan dan halangan terhadap kesejahteraan;
5. keterangkuman dan nilai bersama;
6. melindungi masyarakat kita dan alam sekitar untuk generasi akan datang.

Perbincangan mengenai enam bidang ini meliputi isu-isu penting keadilan, kuasa, kemudaratian, kepercayaan, kepelbagaian dan identiti. Para peserta berkata setiap satu daripada enam bidang adalah sama penting untuk mencapai social cohesion. Enam bidang tumpuan itu juga akan mengukuhkan pelengkap dan memperluaskan kerja agensi kerajaan yang sedang dilakukan untuk menyokong social cohesion di Aotearoa New Zealand.



Apabila ditanya apakah bentuk social cohesion yang berjaya, para peserta bercakap tentang mewujudkan persekitaran kekitaan, keadilan, rasa hormat dan kepercayaan, di mana semua orang boleh mengambil bahagian secara aktif. Maklum balas ini dianalisis dan digunakan untuk membangunkan satu set hasil social cohesion untuk membantu menilai dan mengukur kemajuan ke arah social cohesion.

Maklum balas dan pendapat daripada perbualan atau penglibatan ini dengan kepelbagaian peserta telah membentuk strategi untuk meningkatkan social cohesion di Aotearoa New Zealand.



**Te Korowai
Whetū**
Social Cohesion